

PEMBELAJARAN TRANSFORMASI DALAM KALANGAN GOLONGAN  
PENGKID DEWASA BERAGAMA ISLAM DI KUALA LUMPUR

HASMIRA BINTI MOKHTAR

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2017

## **DEDIKASI**

Untuk insan teristimewa, suamiku Mohd Saiful Izwan bin Aazizi serta bonda dan ayahnda yang sentiasa mendoakan kesejahteraan diriku. Tidak lupa juga kepada ibu dan ayah mertuaku yang sentiasa ada dalam perjalanan ini. Terima Kasih atas segalanya.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada Dr Mohd Azhar bin Abd Hamid selaku penyelia, atas kesabaran, peluang, kerjasama, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau agar projek ini dapat disiapkan pada waktunya. Penghargaan ini juga ditujukan kepada setiap pihak yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam menjayakan kajian ini dan khususnya kepada setiap responden yang terlibat. Tanpa kerjasama mereka, kajian ini tidak mungkin dapat dijalankan dengan baik.

Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan yang sudi membantu, memberi pandangan dan sokongan sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga Allah SWT membalas jasa anda semua. Akhir kata, semoga kajian kecil ini dapat memberi manfaat kepada semua.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneroka proses pembelajaran transformasi dalam kalangan pengkid dewasa yang beragama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memahami transformasi perspektif yang berlaku dalam kalangan pengkid dan mengenal pasti kesan terhadap mereka. Kajian ini melibatkan seramai enam orang responden yang terdiri daripada perempuan dewasa yang berumur antara 25 hingga 35 tahun dan beragama Islam. Kajian yang dilakukan secara kualitatif ini menggunakan kaedah temubual secara sapa berstruktur untuk meneroka dan memahami secara terperinci tentang pengalaman hidup responden dan perubahan yang mereka lalui. Teknik persampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan sampel kajian. Hasil dapatan kajian yang dikumpulkan dianalisis secara manual dengan menggunakan teknik pengkoden terbuka (open coding) dan pengkoden bersilang (axial coding). Dapatan kajian menunjukkan kesemua responden mengalami peristiwa pencetus terintegrasi yang berulang-ulang dan berperingkat. Kajian ini juga mendapati hubungan sosial, pengalaman hidup, pengaruh barat dan pegangan agama yang lemah merupakan antara faktor yang menjadikan responden mengubah perspektif kehidupan mereka. Apabila transformasi perspektif berlaku maka, responden juga mendapat kesan hasil daripada perubahan tersebut. Dalam kajian ini, kesan yang dialami oleh responden terbahagi kepada empat iaitu, kesan terhadap tingkah laku responden, emosi, kerjaya dan spiritual. Hasil kajian ini mempunyai implikasi terhadap golongan pengkid dan masyarakat dimana dengan memahami punca perubahan, faktor yang mendorong perubahan golongan pengkid dan kesan perubahan ini, ia mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang golongan pengkid. Cadangan bagi kajian masa hadapan disertakan dalam kajian ini.

## ABSTRACT

This study was conducted to explore and learn the transformation process among pengkid adult Muslims in the Federal Territory of Kuala Lumpur. The objective of this study is to understand the transformation perspective that taken place among them and identify the impact towards them. This study involved six respondents of women aged between 25 to 35 years old and all of them are Muslim. The study conducted through qualitative method, using semi-structured interviews in order to explore and understand in detail about the life experiences of the respondents and the changes that they gone through. The purposive sampling technique used in the selection of the sample. The findings were analyzed manually using open coding and axial coding. The findings revealed that all respondents had repeated of integrated trigger event and staggered. The study also identify that social relationships, life experiences, the influence from west countries culture and weak religious beliefs are among the factors that make the respondents change their life perspective. When the perspective transformation occurs, the respondents were also impacted due to the result of the changes. In this study, the effect experienced by the respondents is divided into four, the effect on the behaviour of respondents, emotional, career and also spiritual. The results of this study have implications towards the 'pengkid' and for those communities where by understanding the cause of the change, the factors driving those 'pengkid' behavior and the effect of the changes can create awareness to the public about the 'pengkid'. Proposals for future studies are included in this research.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN PENKAJI</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<i>ABSTRACT</i>	<b>vi</b>
	<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Persoalan Kajian	12
	1.5 Objektif Kajian	12
	1.6 Tujuan Kajian	13
	1.7 Kepentingan Kajian	13
	1.8 Skop Kajian	15
	1.9 Batasan Kajian	16
	1.10 Definisi Konseptual dan Operasional	18

	1.10.1 Pembelajaran Transformatif	18
	1.10.2 Refleksi Kritis	19
	1.10.3 Skema Makna	20
	1.10.4 Dialog	21
	1.10.5 Pengkid	21
	1.10.6 Lesbian	23
	1.10.7 Peristiwa Pencetus	24
	1.10.8 Golongan Minoriti	25
	1.11 Kesimpulan	26
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>27</b>
	2.1 Pengenalan	27
	2.2 Pembelajaran Dewasa	28
	2.3 Konsep Pembelajaran Transformasi	30
	2.4 Teori Pembelajaran Transformasi	32
	2.5 Transtheoretical Model	37
	2.5.1 Peringkat Transtheoretical Model	38
	2.5.2 Proses Transtheoretical Model	40
	2.6 Teori Perkembangan Psikososial	41
	2.7 Rumusan Teori Kajian	46
	2.8 Pengkid	48
	2.9 Punca Gejala Pengkid	50
	2.10 Kajian Lepas	53
	2.11 Rumusan Hasil Kajian	64
	2.12 Kerangka Kajian	66
	2.13 Kesimpulan	67
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>68</b>
	3.1 Pengenalan	68
	3.2 Reka Bentuk Kajian	69

3.2.1	Kajian Kes	72
3.2.2	Kajian Fenomenalogi	74
3.3	Sampel, Persampelan dan Saiz Sampel	77
3.4	Instrumen Kajian	79
3.4.1	Pengkaji	79
3.4.2	Soalan Temubual	80
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	80
3.5.1	Temubual	81
3.5.2	Pengumpulan Data Sekunder	83
3.6	Pengekodan dan Analisis Data	83
3.6.1	Pengekodan Data	84
3.7	Kajian Rintis	87
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	88
3.9	Etika dalam Penyelidikan	89
3.10	Kesimpulan	90
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>92</b>
4.1	Pengenalan	92
4.2	Demografi	93
4.2.1	Deskripsi Responden	94
4.2.2	Rumusan Deskripsi Responden	99
4.3	Peristiwa Pencetus	101
4.3.1	Kecelaruan Perasaan	102
4.3.2	Isu Kekeluargaan	108
4.4	Faktor-faktor yang Membantu Pembelajaran Transformasi dalam Kalangan Pengkid Dewasa beragama Islam	110
4.4.1	Hubungan Sosial	110
4.4.2	Pengalaman Hidup	113
4.4.3	Pengaruh Barat	115
4.4.4	Pegangan Agama Lemah	117
4.5	Kesan Pembelajaran Transformasi dalam	120



	Kalangan Pengkid Dewasa beragama Islam	
	4.5.1 Tingkah Laku	120
	4.5.2 Emosi	123
	4.5.3 Kerjaya	126
	4.5.4 Spiritual	129
4.6	Kesimpulan	131
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>133</b>
5.1	Pengenalan	133
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	134
5.3	Perbincangan	135
	5.3.1 Latar Belakang Responden	136
	5.3.2 Peristiwa Pencetus Terhadap Golongan Pengkid	137
	5.3.3 Faktor-faktor yang Mendorong Pembelajaran Transformasi Dalam Kalangan Pengkid Dewasa Beragama Islam	142
	5.3.4 Kesan Pembelajaran Transformasi Dalam Kalangan Golongan Pengkid Dewasa Beragama Islam	145
5.4	Rumusan Perbincangan Kajian	148
5.5	Implikasi Kajian	152
	5.5.1 Implikasi Terhadap Golongan Pengkid	152
	5.5.2 Implikasi Terhadap Masyarakat	153
	5.5.3 Implikasi Terhadap Teori	154
5.6	Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	156
5.7	Penutup	157
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>158</b>

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Characteristics of Adult Learners Model (CAL)	30
2.2	Trans theoretical Model	38
2.3	Jadual Perkembangan Psikososial Peringkat Kanak-Kanak	43
2.4	Jadual Perkembangan Psikososial Peringkat Peralihan	44
2.5	Jadual Perkembangan Psikososial Peringkat Dewasa	45
4.1	Demografi Responden Kajian	93

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Kerangka Kajian ke atas Golongan Pengkid	66
3.1	Reka Bentuk Kajian	76
3.2	Kod Butiran Responden dan Teks Temubual	85

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Soalan Temubual	166

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Maksud Surah Al-Ra'ad ayat 11;

*“ Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sebelum mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang akan dapat menolaknya dan tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia”.*

Menurut Al-Pinrany (2015), terdapat beberapa pendapat ataupun fahaman mengenai ayat di atas antaranya adalah, Allah SWT tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakan Nya terhadap sesuatu kaum melainkan mereka sendiri mengubahnya iaitu dengan meninggalkan sikap syukur atas nikmat tersebut. Di dalam Al-Quran sendiri ada menjelaskan mengenai perubahan, peralihan, penghijrahan atau transformasi manusia samada kearah kebaikan mahupun yang mendatangkan keburukan terhadap diri mereka sendiri. Justeru, manusia yang melakukan transformasi akan mengalami proses perubahan yang mana keadaan mereka berbeza dengan keadaan yang sebelumnya samada ke arah kebaikan mahupun keburukan.

Brotten & Atkinson (1987) dalam (Razinah & Nazlinda 2017), transformasi merupakan kegiatan atau proses yang dilalui oleh seseorang dan menjadikannya berbeza dengan keadaan yang sebelumnya. Perubahan atau transformasi yang dilakukan oleh seseorang mungkin berdasarkan pengalaman atau pengajaran yang dilalui dalam kehidupan. Namun bagi menjadikan sesuatu transformasi itu seperti sesuatu yang diinginkan, seseorang perlu mempelajari ilmu yang berkaitan supaya transformasi mengambil tempat yang sepatutnya.

Pembelajaran menurut Elizabeth (2002) adalah cara mendapatkan sesuatu informasi melalui pengalaman, amalan yang dipelajari sendiri atau sesuatu yang diajarkan. Pendapat ini disokong oleh Morris (1982) dalam '*Learning Theories for Teacher*' menyatakan, pembelajaran merujuk kepada perubahan tingkah laku yang tersusun hasil daripada pengalaman dalam situasi tertentu. Justeru, seseorang yang sedang belajar akan melalui proses yang mana mereka akan mengalami atau memahami sesuatu yang baru dalam kehidupan mereka. Apabila seseorang melalui proses pembelajaran atas sesuatu perkara, transformasi tingkah laku boleh terjadi (Morris, 1982). Namun, transformasi tersebut tidak berlaku sekiranya seseorang tidak bersungguh

memahami tentang apa yang dipelajarinya (Slameto, 2003). Transformasi terbentuk apabila terdapat perkaitan atau hubungan diantara ilmu atau pengetahuan yang sedia ada dengan ilmu atau pengetahuan yang baru. Sesuatu pembelajaran itu boleh dikatakan berhasil apabila berlakunya transformasi dalam kehidupan dan dapat dilihat perbezaan antara pengalaman yang lama dengan yang baru (B. Suryosubotro, 2003). Mezirow dalam Teori Pembelajaran Transformasi menyatakan,

*“Transformative learning is the process of effecting change in the frame of reference – the structure of assumptions through which we understand our experience which is expectations, perceptions, cognition and feelings”.*

Ini menjelaskan bahawa, seseorang yang menjalani proses pembelajaran transformasi akan meninggalkan kesan kepada kepercayaan, fahaman, perasaan, tanggapan dan lain-lain yang selama ini menjadi rutin atau amalan seseorang dalam kehidupan mereka. Namun, pembelajaran transformasi mengambil tempat apabila berlakunya *'trigger event'* atau peristiwa pencetus dan secara tidak langsung mengubah perspektif seseorang samada dalam bentuk kebaikan mahupun keburukan (Fadiyah, 2015). Namun, proses ini bermula apabila seseorang mengalami dilema yang tidak terarah sebagai contoh, kecelaruan terhadap prinsip hidup dan proses ini diakhiri dengan perubahan yang berlaku dalam fahaman atau kepercayaan sendiri yang menyebabkan pada akhirnya individu menerima dan hidup dengan fahaman yang baru serta menjadi pegangan kehidupannya (Mezirow, 1991).

Kecelaruan jantina juga antara perkara yang kerap menjadi dilema dalam kehidupan seseorang (Idris, 2012). Seseorang yang mengalami kecelaruan jantina mempunyai minat, perasaan serta tertarik untuk menjadi jantina yang bertentangan dengannya. Mereka mempunyai jantina yang berbeza namun ingin dilayan seperti

jantina yang menjadi idaman atau minatnya (Hudani, 2015). Malah ada segelintir daripada golongan ini memperjuangkan hak bagi mengamalkan cara hidup mereka secara umum dan diterima masyarakat sejagat . Golongan seperti ini atau lebih mudah dikenali sebagai LGBT (Lesbian, gay, biseksual dan transgender) mempunyai perasaan untuk hidup dengan sesama jenis. Namun LGBT sering digunakan bagi melabel golongan gay iaitu golongan lelaki yang mempunyai perasaan terhadap sesama jenis. (Yusuf, 2012).

Lesbian merupakan salah satu nama bagi mereka yang mempunyai kecelaruan jantina untuk kaum wanita. Lesbian adalah satu perlakuan atau identiti yang mana golongan wanita yang mempunyai perasaan atau nafsu terhadap sesama jantina sendiri. Malahan mereka lebih tertarik untuk membina hubungan yang lebih intim sesama jantina (Advocates for Youth, 2000). Ada dijelaskan dalam Al-Quran Surah Al-A'Raaf ayat 80-81 maksudnya;

*“ Dan (kami juga telah mengutus) Luth (kepada kaumnya). Ingatlah, tatkala dia berkata kepada mereka, ‘mengapa kamu mengerjakan perbuatan fahisyah itu, yang belum pernah dikerjakan oleh seorang pun (di dunia ini) sebelum kamu?’ Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu kamu (kepada mereka), bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas”.*

Sekali lagi dalam hal seperti ini, sebagai muslim, Islam menentang sekeras-kerasnya perlakuan seperti ini dan tidak sesekali berkompromi dalam perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Bukan itu sahaja, mereka yang berpenampilan seperti jantina yang bertentangan dengan fitrah juga dikecam. Dalam hadith yang diriwayatkan al-Bukhari dan Ashabus Sunan dari Ibnu Abbas, : Rasullulah (SAW) melaknati kaum wanita yang menyerupai kaum lelaki (merujuk kepada golongan pengkid, tomboy), dan



kaum lelaki yang menyerupai kaum wanita (merujuk kepada golongan pondan, mak nyah). Ini disokong oleh Majlis Fatwa Kebangsaan (2008) mengharamkan perbuatan perempuan yang berpenampilan atau berpewatakan seperti lelaki yang lebih dikenali sebagai pengkid (Abd.Shukor, 2008).

Pengkid adalah golongan wanita yang berpenampilan seperti lelaki pada zahirnya dan golongan ini juga adalah terdiri daripada wanita yang mempunyai perasaan terhadap kaum sejenisnya. Golongan pengkid ini tergolong dari golongan wanita yang pada awalnya adalah wanita yang mengikut fitrahnya namun atas sebab tertentu membuatkan mereka berubah kearah yang bertentangan dengan jantina.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa dalam transformasi pembelajaran dapat mengubah perspektif, kepercayaan malahan cara hidup seseorang mengikut kesesuaian yang diinginkannya. Perubahan ini terjadi apabila individu menghadapi peristiwa pencetus yang membuatkan individu mengambil keputusan untuk mengubah cara hidup lalu mengamalkan perspektif yang baru dan meninggalkan cara hidup atau kepercayaan yang lama.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pengkid adalah seseorang yang secara fizikalnya adalah wanita, namun mempunyai naluri sebagai seorang lelaki. Lebih membimbangkan apabila mereka tidak mempunyai rasa ingin bersama lelaki kerana lebih selesa bersama wanita (Shazwani, 2010). Hasil muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam

Malaysia kali ke-83 pada Oktober 2008, antara faktor yang menjadi punca utama menularnya masalah ini adalah berkait rapat dengan tahap hiburan yang tidak terkawal serta pergaulan tanpa batasan sesama jantina sejak di awal remaja lagi. Disokong oleh Hasyim, Khairulhelmi, Fahmi dan Syafiq (2008) percaya bahawa kecelaruan seperti ini juga disebabkan oleh pertembungan atau pengaruh budaya barat. Bukan itu sahaja, pengaruh rakan sekeliling juga antara faktor besar yang menyumbang kepada permasalahan ini ditambah pula dengan sikap keluarga yang tidak ambil peduli terhadap apa yang berlaku dalam institusi kekeluargaan (Hasyim et al.,2008).

Menurut Azah (2008) pula menyifatkan terlalu banyak kecelaruan yang terjadi dalam kehidupan seorang pengkid sehingga individu terpesong daripada landasannya. Peristiwa demi peristiwa yang berlaku dalam kehidupan individu yang membuatkan seseorang pengkid lebih selesa untuk menjalani kehidupan baru dengan keadaan yang berbeza, dalam erti kata lain songsang. Ini secara langsung memperlihatkan keadaan yang tidak mampu dikawal lagi oleh sesetengah pihak sehinggakan perkara ini sampai ke tahap yang membimbangkan apabila golongan pengkid ini mengambil keputusan untuk 'berkahwin' dengan pasangannya walaupun perkara ini sememangnya di larang dalam Islam (Li, 2010). Selain dari itu juga, kajian yang melibatkan teori pembelajaran transformasi ini penting dijalankan dalam kalangan golongan terpinggir khususnya golongan pengkid kerana pengkaji mendapati masih belum terdapat kajian yang dijalankan terhadap transformasi perspektif bagi golongan ini khususnya di Malaysia. Jumlah bilangan pengkid dalam negara yang dikhuatiri meningkat juga antara faktor yang mendorong pengkaji ingin melakukan kajian terhadap golongan ini (Mahfudzah, 2015).

Transformasi yang berlaku terhadap individu ini sememangnya bermula dengan suatu peristiwa pencetus dan secara langsung mengubah perspektif pengkid untuk terus hidup dalam kehidupan songsang. Peristiwa pencetus mungkin bermula dengan suatu

peristiwa yang meninggalkan kesan mendalam terhadap individu, suatu peristiwa yang terjadi berulang kali tanpa disedari individu terbabit, suatu perkara yang menjadi amalan individu untuk mengubah diri dalam kehidupannya atau ia adalah suatu perkembangan atau pembangunan semula jadi dalam diri individu (Susan, 2010). Bagi pengkaji, pembelajaran transformasi yang diasaskan oleh John Mezirow's adalah suatu teori yang berkait rapat dengan cara pemikiran atau pembelajaran manusia berdasarkan pengalaman sendiri atau yang lain. Perkara ini bukan sahaja membenarkan masyarakat untuk belajar sesuatu yang baru dan menjadikannya sebagai pengajaran, malahan ianya dapat mengubah kehidupan atau prinsip seseorang dalam menjalani kehidupan mereka pada masa akan datang.

Pembelajaran transformasi adalah suatu proses yang mendalam yang melibatkan peralihan struktur asas pemikiran, perasaan dan juga tindakan seseorang (Kitchenham, 2010). Pembelajaran transformasi merupakan perkara yang kompleks untuk diterjemahkan kerana melibatkan sikap manusia yang sering berubah seiring dengan masa dan juga keadaan. Ini berkait rapat dengan perubahan yang berlaku dikalangan mereka yang menghadapi masalah kecelaruan jantina, dan bagi tujuan kajian ini adalah mereka yang tergolong dalam golongan pengkid. Perubahan yang berlaku terhadap mereka melibatkan keseluruhan perkara, bukan sahaja secara luaran, bahkan dalaman. Seperti yang dinyatakan, pembelajaran transformasi melibatkan perubahan seseorang melalui cara pemikiran, perasaan dan juga tindakan. Golongan pengkid boleh dijadikan sebagai suatu contoh bagi mengetahui bagaimana perubahan ini mengambil tempat dalam kehidupan mereka.

Menurut Wilcox (2009), transformasi perspektif akan mengambil tempat apabila seseorang menghadapi persoalan yang rumit dalam kehidupan mereka yang melibatkan prinsip, gaya hidup dan jangkaan masa hadapan kehidupan yang akan mempengaruhi secara keseluruhan asas kehidupan dan juga manusia akan melihat kehidupan mereka

yang asal dalam perspektif yang berbeza dan akan membawa mereka dalam kehidupan yang baru dan berbeza dari kehidupan yang asal.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Mohd Makzan (2010) menjelaskan bahawa hubungan songsang yang terjadi dalam kalangan pengkid atau lesbian ini dikatakan wujud namun dalam kekaburan dan mereka bergerak dalam senyap. Oleh kerana itu, isu pengkid ini dianggap sebagai rahsia yang terbuka namun masih malu untuk membincangkannya secara terbuka. Tambahnya lagi, hubungan sejenis ini banyak mengikut budaya negara barat yang lebih bersifat terbuka jika dibandingkan dengan Malaysia. Ini menunjukkan bahawa, walaupun isu pengkid ini disifatkan sebagai 'haram' oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang dikeluarkan pada tahun 2008, namun isu ini masih lagi gagal dibendung dan golongan pengkid masih mengekalkan gaya hidup mereka yang songsang. Oleh yang demikian, dengan memahami dan jelas akan transformasi perspektif yang berlaku terhadap golongan ini, masyarakat akan lebih peka dan dapat melihat dari pelbagai perspektif bagi memahami golongan pengkid ini.

Transformasi perspektif membenarkan individu melalui perubahan yang baru dalam kehidupan. Individu akan memperoleh perspektif yang baru atas sesuatu perkara melalui peristiwa pencetus yang dialami (Fadhilah, 2015). Dengan menjalani proses transformasi perspektif, perkara ini dilihat dapat memberikan makna atau pandangan baru dalam memahami bagaimana seorang pengkid mengambil keputusan untuk menjalani transformasi diri dan apakah faktor sebenar yang mendorong golongan ini untuk bertindak demikian. Mezirow (1975) menghuraikan, transformasi perspektif yang

dilalui oleh individu akan melalui beberapa fasa iaitu, (1) mengalami pengalaman peristiwa pencetus dan dilema, (2) menjalankan penilaian sendiri (*self examination*) terhadap perasaan bersalah atau malu, (3) membuat penilaian yang kritikal terhadap perasaan sendiri (*epistemic*) dan yang terasing (*alienation*) berbeza dengan jangkauan sosial yang normal, (4) memiliki rasa tidak berpuas hati dengan pengalaman yang dialami diri sendiri namun ianya juga dialami oleh individu lain (*discontent*), seterusnya mengenalpasti masalah tersebut dapat diatasi bersama, (5) mengembangkan kecekapan serta meneroka pilihan tindakan, perhubungan dan peranan baru yang berbeza dengan yang lama, (6) membina keyakinan diri serta kompetensi dengan cara yang berbeza daripada biasa, (7) merancang tindakan '*course of action*', (8) memperoleh pengetahuan, ilmu dan kemahiran bagi melaksanakan ke dalam tindakan yang baru, (9) mencuba dan memberi penilaian kepada peranan yang baru, dan (10) menyesuaikan diri dalam masyarakat dengan melihat menggunakan perspektif yang baru.

Kajian transformasi perspektif telah banyak dijalankan di negara barat khususnya dalam negara. Teori pembelajaran transformasi yang diasaskan oleh Jack Mezirow's adalah antara teori yang banyak diaplikasikan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam kajian mereka. Antaranya adalah Kairson (2009) *Lives in Transition : Examining Transformational Learning Processes in Ethically Diverse Women*, Tweedly (2007) *Transformational Learning and Successful Dyslexics*, Kennedy (1994) *The Individuals Transformational Learning Experience as a Cross Cultural Sojourner : Descriptive Models*, Bellas (2004) *How Transformational Learning Experiences Develop Leadership Capacity*, Bennett (2012) *An Exploration of Transformational Learning in Adults as a Result of Adventure Travel Experiences*, Schaff (2013) *What Characterizes and Impacts Student Transformational Learning in a Community College Work Placement Context*.

Berdasarkan kajian literatur, pengkaji mendapati kurangnya kajian lepas yang memfokuskan kepada penglibatan golongan pengkid dalam penyelidikan. Jika dilihat dari segi arus aliran kajian lepas yang kebanyakannya lebih menjurus terhadap kajian ke atas golongan perdana sebagai contoh adalah golongan pendidik, pelajar, wanita bekerjaya, kepimpinan dan lain-lain. Namun, terdapat juga kajian yang dijalankan keatas golongan minoriti sebagai contoh golongan disleksia, golongan pendatang dan sebagainya. Villarejo (1991) '*Lesbian Rule : Cultural Criticism and The Value of Desire*', Donnelly (2001) ;*Building a New Moral, Religious or Spiritual Identity : Perspectives Transformation in Lesbian Women*' antara kajian yang dijalankan terhadap golongan minoriti iaitu lesbian yang sedikit sebanyak ada persamaannya dengan golongan pengkid namun golongan lesbian ini tidak berperwatakan seperti lelaki dan identiti mereka adalah wanita tulen. Namun persamaan mereka dengan golongan pengkid adalah dari segi naluri dan perasaan terhadap golongan sejenis dan tidak mempunyai keinginan terhadap golongan lelaki. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat kajian yang dilakukan terhadap golongan pengkid ini akan memberikan sumbangan terhadap pengetahuan tentang transformasi yang dialami oleh golongan pengkid ini dari segi dilemma yang mereka hadapi, apakah peristiwa yang tercetus dan menjadi punca perubahan tersebut terjadi, apakah kesan dan akibat yang dialami oleh golongan minoriti ini dan bagaimana masyarakat sekeliling memberi tindak balas terhadap golongan pengkid.

Statistik tentang gejala songsang ini juga berada pada tahap yang membimbangkan. Satu tinjauan mengenai golongan terpinggir yang lain iaitu Mak Nyah yang telah dilakukan oleh satu gerakan aktivis yang menggelarkan mereka sebagai '*Justice for Sister*' pada tahun 2014 mendapati, 37 orang daripada 76 individu adalah terdiri daripada golongan Mak Nyah dan 23 orang daripada 37 individu mempunyai rekod tangkapan oleh pihak berkuasa atas kesalahan melakukan kegiatan seks luar tabii. Menurut Mahfudzah (2015), pada tahun 2011, satu statistik telah dikeluarkan tentang jenayah syariah yang berlaku di seluruh Malaysia. Menurut statistik yang bermula pada

tahun 2011 sehingga 2014 tersebut menunjukkan peratusan tertinggi jenayah yang berlaku adalah dalam kalangan orang lelaki yang berlagak perempuan atau Mak Nyah. Peningkatan sebanyak 68 kali jenayah syariah yang berlaku dalam kalangan Mak Nyah pada tahun 2011 ke 2012 dan bilangan jenayah terus meningkat sebanyak 123 jenayah syariah yang dilaporkan pada tahun 2014 sahaja. Ini menunjukkan kegiatan songsang ini meningkat dari masa ke semasa dan jika tidak dibendung, dikhuatiri akan terus berkembang dan memberi pengaruh terhadap individu lain. Manakala jenayah musahaqah atau lesbian pula dicatatkan pada tahun 2011 terdapat enam jenayah yang melibatkan golongan lesbian ini dilaporkan. Kemusykilan yang muncul dalam situasi seperti ini adalah, berapa banyak jenayah syariah yang melibatkan golongan songsang ini yang tidak dilaporkan? Ini kerana pada tahun 2005, lebih 70000 individu membuat permohonan pendaftaran untuk menukar jantina (Raja Azmi, 2009). Persoalan yang muncul, kemana perginya baki daripada mereka yang tidak melaporkan sebarang jenayah syariah yang melibatkan golongan songsang ini? Sebagai negara Islam, kita harus sedar dan bimbang dengan situasi ini. Perkara yang bertentangan dengan agama Islam ini sewajarnya dibendung dan di rawat sebaik mungkin supaya tidak menjadi barah terhadap masyarakat terutama yang beragama Islam.

Oleh yang demikian, bagaimana transformasi dalam golongan pengkid boleh berlaku? Adakah kerana golongan ini mempunyai sikap ingin mencuba sesuatu yang baru dan menganggap kegiatan ini hanya untuk mencari keseronokan atau transformasi ini berlaku disebabkan peristiwa pencetus yang berlaku dalam kehidupan individu? Apakah faktor pendorong yang membuatkan golongan ini mengubah cara hidup berbeza dengan kehidupan yang lalu? Menurut Sufiyan (2008), kajian yang dilakukan tentang individu pengkid tidak banyak jika dibandingkan dengan kajian yang dijalankan terhadap golongan songsang yang lain seperti gay, Mak Nyah, atau golongan terpinggir sebagai contoh, golongan OKU dan lain-lain. Menurutnya lagi, kajian tentang pengkid lebih memberi fokus kepada kesan dalam kehidupan seorang pengkid, ciri-ciri pengkid, sebab berlakunya gejala pengkid, namun kajian tentang bagaimana bermulanya dilema

dan seterusnya peristiwa pencetus, perubahan dan tanggapan serta transformasi yang berlaku dalam diri individu pengkid tidak menjadi pilihan para pengkaji.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah, terdapat beberapa persoalan kajian yang ingin diketengahkan antaranya adalah:

- (i) Apakah peristiwa pencetus yang menyebabkan individu perempuan dewasa berubah kepada pengkid?
- (ii) Apakah faktor-faktor yang membantu berlakunya transformasi perspektif dalam kalangan individu dewasa beragama Islam?
- (iii) Apakah kesan transformasi perspektif yang berlaku dalam kalangan pengkid dewasa beragama Islam yang terpilih?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Berdasarkan persoalan kajian, terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai antaranya adalah:



- (i) Mengenalpasti peristiwa pencetus yang menyebabkan individu perempuan dewasa berubah kepada pengkid
- (ii) Meneroka faktor-faktor yang membantu berlakunya transformasi perspektif dalam kalangan individu dewasa beragama Islam.
- (iii) Mengenalpasti kesan transformasi perspektif dalam kalangan pengkid dewasa beragama Islam yang terpilih.

## **1.6 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi memahami transformasi perspektif yang berlaku dalam kalangan pengkid dan apakah kesan terhadap mereka.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dapat memberikan perspektif yang baru kepada masyarakat tentang golongan pengkid dan lebih memahami dengan jelas mengapa dan bagaimana golongan ini boleh terjebak dengan isu pengkid ini dan juga bagaimana mereka menghadapinya. Kajian ini juga diharap dapat mengubah perspektif masyarakat tentang golongan pengkid dan tidak bersikap tidak acuh terhadap isu ini. Kajian yang dijalankan adalah melibatkan golongan minoriti yang hidup di dalam masyarakat yang berbilang kaum,

agama dan budaya. Sedikit sebanyak, pandangan masyarakat terhadap golongan ini dapat meninggalkan kesan samada yang baik atau yang buruk.

Seperti yang telah diketengahkan pada awal perbincangan, sikap sambil lewa atau memandang mudah tentang isu pengkid ini adalah antara faktor mengapa golongan ini semakin menular dan berleluasa dalam negara. Kajian ini juga dilihat dapat membantu masyarakat sekeliling untuk lebih peka akan situasi yang berlaku dan tidak terus-terusan mengambil sikap sambil lewa demi menyelamatkan anak bangsa terutama sekali golongan perempuan supaya tidak terus hanyut dan hidup dalam keadaan terpesong. Masyarakat akan lebih peka dan juga boleh mengatur strategi atau aktiviti-aktiviti yang bermanfaat keatas golongan pengkid ini untuk mereka sertai dan dapat membantu golongan ini supaya tidak terus hanyut dalam kehidupan yang songsang dan seterusnya dapat mengurangkan populasi golongan pengkid ini. Tambahan lagi, kajian seperti ini merupakan bonus kepada mana-mana badan NGO (*Non-Government Organization*) supaya mereka dapat menggunakan data yang didapati daripada hasil kajian sebagai panduan bagi mereka membantu golongan pengkid. Badan NGO membuka peluang bagi membantu golongan pengkid ini agar tidak terus terpesong. Bukan itu sahaja, Badan NGO juga dapat memberikan tempat perlindungan kepada golongan yang songsang seperti ini kerana golongan ini amat memerlukan sokongan moral dan kesedaran sekiranya mereka kembali kepada fitrah seorang wanita.

Dari sudut pembelajaran dan pengetahuan pula, kajian ini dilihat dapat memberi manfaat kepada diri pengkaji sendiri kerana sebagai seorang pelajar, pengkaji dapat memahami dengan lebih lanjut mengenai konsep transformasi perspektif. Pengkaji juga dapat mengolah bagaimana proses transformasi perspektif itu boleh terjadi dan apakah peristiwa utama yang menjadi sebab transformasi perspektif itu mengambil tempat dalam sesuatu perkara. Selain itu juga, pengkaji dapat memahami dan bergaul rapat dengan golongan pengkid dan cuba memahami mengapa mereka berubah dan kesan

keatas perubahan tersebut. Pengkaji dapat menemubual secara lebih mendalam dan cuba mendapatkan lebih maklumat berkaitan dengan perubahan yang dialami oleh golongan pengkid ini. Selain dari itu, kajian ini dapat membanyakkan kajian-kajian yang memberi fokus kepada Teori Pembelajaran Transformasi dalam kalangan masyarakat terpinggir khususnya golongan pengkid.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan serta idea yang baru kepada para pengkaji yang akan datang yang ingin mengkaji dengan lebih lanjut mengenai transformasi perspektif terhadap golongan pengkid ini. Bagi golongan pengkid itu sendiri, kajian ini dapat membantu golongan pengkid untuk menyedari apakah yang membuatkan mereka berubah dan menerima perubahan tersebut tanpa ada paksaan dari mana-mana pihak.

## **1.8 Skop Kajian**

Memberi fokus terhadap kajian transformasi perspektif dalam kalangan pengkid dewasa beragama Islam. Proses transformasi perspektif ini melibatkan pengalaman lampau individu pengkid, peristiwa pencetus yang dialami, perubahan tanggapan dan kepercayaan individu pengkid, transformasi yang berlaku dan kesan selepas transformasi berlaku. Kajian ini menggunakan teori tranformatif perspektif oleh Mezirow sebagai panduan tanpa menggunakan teori yang diketengahkan oleh pengkaji lain.

Kajian ini melibatkan responden daripada kumpulan pengkid dewasa secara bertujuan di sekitar Kuala Lumpur yang telah melalui perubahan atau transformasi

sebagai pengkid selama dua tahun dan ke atas. Ini kerana, pengkaji berpendapat bahawa individu pengkid yang telah menjalani kehidupan songsang selama dua tahun dan ke atas ini telah menghadapi peristiwa pencetus dan membuatkan mereka berubah dan seterusnya perubahan yang mereka alami cukup meninggalkan kesan dan pengalaman dalam menghadapi masyarakat sekeliling dalam menjalani kehidupan seperti masyarakat lain secara normal.

Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif dan melibatkan proses temubual antara responden dengan pengkaji. Proses yang digunakan dapat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang lebih berkualiti dan tepat kerana pengkaji berdepan sendiri dan berkongsi cerita dengan lebih mendalam tentang peristiwa yang menjadi titik tolak kepada transformasi yang dialami oleh individu pengkid dan juga akibat atau kesan daripada transformasi tersebut.

## **1.9 Batasan Kajian**

Terdapat beberapa batasan kajian yang dihadapi dalam menjalankan kajian ini adalah, pengkaji meletakkan batasan kajian dalam skop yang terhad supaya pengkaji dapat memberi fokus kepada responden yang terpilih dan tidak lari dari objektif utama kajian. Namun, pengkaji memberi tumpuan dan menggunakan aspek atau teori yang bersesuaian dengan menyeluruh supaya mencapai matlamat kajian. Dalam kajian ini juga, pengkaji membataskan skop responden iaitu kajian ini hanya melibatkan golongan pengkid yang berada di sekitar Kuala Lumpur dan kebanyakan daripada mereka mengenali antara satu dengan yang lain. Kajian ini tidak dapat mewakili golongan pengkid yang berada diluar kawasan Kuala Lumpur. Berkemungkinan maklum balas

yang diterima adalah berlawanan. Faktor umur responden juga menjadi batasan dalam kajian ini. Pengkaji mensasarkan responden yang berumur dalam lingkungan 20-an sehingga akhir 30-an. Menurut Hurlock (1978) dalam *Development Psychology* menyatakan umur dewasa adalah dalam lingkungan 20 hingga 40 tahun. Pada usia ini individu melalui fasa perkembangan yang paling kritikal. Ini kerana, pada fasa ini individu akan mengalami perubahan-perubahan dalam diri samada secara luaran atau dalaman dan juga perubahan atau penyesuaian diri dalam tingkah laku sosial individu. Justeru, pengkaji percaya bahawa, batasan umur responden dalam kajian ini menyumbang kepada hasil dapatan kajian. Ini kerana perbezaan perkembangan umur adalah berlainan mengikut fasa perkembangan manusia (Hurlock, 1990).

Faktor agama dan bangsa juga menjadi batasan dalam kajian ini. Jika kajian ini dijalankan terhadap individu pengkid yang berlainan fasa umur (40-an sehingga 60-an), berlainan agama dan juga bangsa, berkemungkinan hasil dapatan kajian juga berbeza mengikut perspektif individu. Kejujuran responden yang menjadi keraguan semasa melakukan kajian nanti menjadi antara batasan yang kritikal kerana jawapan dan maklumbalas yang diberikan oleh golongan pengkid ini boleh diragui dan tidak tepat. Hasil dapatan kajian ini hanya dapat diguna pakai semasa jangka masa kajian sahaja. Tidak relevan jika menggunakan hasil dapatan kajian untuk masa akan datang. Ini kerana perubahan masyarakat serta arus modenisasi dunia yang sentiasa berputar dari masa ke semasa.

## **1.10 Definisi Konseptual dan Operasional**

### **1.10.1 Pembelajaran Transformatif**

Pembelajaran transformasi bukan sekadar memperoleh makna atau pengetahuan tentang sesuatu perkara tetapi juga menjadikannya sesuatu yang bermakna dan boleh dijadikan sebagai panduan kepada kehidupan individu pada masa akan datang (Rebecca, 2011). Pembelajaran transformasi bukan sahaja memberikan individu sesuatu pembelajaran atau pengetahuan serta pengalaman yang baru, tetapi juga individu akan memberi tindakan reflektif keatas pengetahuan baru tersebut (Mezirow, 1991). Pembelajaran transformasi membolehkan individu meningkatkan tahap kesedaran serta fahaman keatas sesuatu yang ingin diubah dalam kehidupannya samada dalam bentuk kepercayaan, perasaan, kritikan, cara pemikiran, andaian dan penilaian terhadap masyarakat (Mezirow, 2003). Menurut Clark (1993), pembelajaran transformasi boleh ditakrifkan sebagai pembelajaran yang mendorong kepada perubahan dalam kehidupan seseorang disebabkan oleh sesuatu pengalaman yang berlaku dalam kehidupan seseorang dan menghasilkan perubahan yang ketara atau membentuk anjakan paradigma dan akan memberi kesan terhadap kehidupan pada masa akan datang. Pembelajaran Transformasi adalah suatu proses yang mendalam yang melibatkan peralihan struktur asas pemikiran, perasaan dan juga tindakan seseorang (Kitchenham, 2010). Kemudiannya, peralihan tersebut terus berkembang melalui penglibatan dengan pengalaman yang intelek serta refleksi hubungan dan pada kesimpulannya akan mendapat pemahaman yang luas dan ketara kepada diri sendiri dan peranan kepada masyarakat pada masa yang mendatang (Fadhiyah, 2015).

Dalam kajian ini, pembelajaran transformasi merujuk kepada proses perubahan pemahaman individu dalam memberi makna mengikut kepada pengalaman golongan pengkid dan mengambil kira soal pemahaman, cara berfikir, perpektif individu, emosi, pergaulan, spiritual dan perubahan yang dialami dalam kehidupan mereka. Menurut Amin (2012), perubahan diri terjadi apabila individu mengalami pengalaman atau peristiwa yang mengecewakan, trauma atau memberikan kesan yang dalam terhadap individu dan akibat daripada peristiwa tersebut, individu akan lebih bersifat terbuka dalam mencari alternatif atau kepercayaan lain bagi membuat keputusan pada masa hadapan.

### **1.10.2 Refleksi Kritikal**

Refleksi kritikal adalah suatu proses yang berlaku apabila individu mempersoalkan kembali perkara yang lalu dalam kehidupannya kini (Strawn, 2008). Menurut Mezirow (1991), asas utama proses transformasi perspektif dalam pembelajaran dewasa adalah refleksi kritikal. Apabila refleksi kritikal berlaku, ini akan membantu individu untuk lebih memahami dan menimbulkan kesedaran dalam diri individu yang melalui proses transformasi perspektif (Illeris, 2007). Menurut Mohd Azhar (2012), refleksi kritikal membenarkan individu untuk memikirkan kembali, merenung dan menyemak semula pengalamannya. Refleksi kritikal juga dikenali sebagai proses membuat rumusan (*inferences*), membuat pernyataan umum (*generalization*), analogi (*analogies*), diskriminasi (*discrimination*), membuat penilaian (*evaluation*), mengandungi perasaan (*feelings*), mengingat (*remembering*) dan penyelesaian masalah (*problem solving*) (Mezirow, 1990).

Dalam kajian ini, refleksi kritisal membawa maksud bagaimana individu pengkid mengawal emosi, kepercayaan dan gerakan hati dalam menilai dan memahami tentang sesuatu perkara dalam proses untuk menjalani transformasi perspektif ini. Refleksi kritisal ini membolehkan responden untuk lebih memahami dan berfikir bagaimana perkara ini berlaku, mengapa perkara ini terjadi dan apakah langkah yang perlu diambil sewajarnya.

### **1.10.3 Skema Makna**

Skema makna (*meaning schemes*) bermaksud proses yang dilalui oleh individu tentang bagaimana mereka mengeksperisikan pandangan dan fahamannya ketika mereka sedang berinteraksi dengan yang lain (Mezirow, 2000). Dalam erti kata lain, skema makna adalah dari sudut pandangan individu (*points of view*) yang digunakan oleh Mezirow (2000).

Dalam kajian ini skema makna membawa maksud, bagaimana individu pengkid melakukan proses transformasi perspektif mereka daripada seorang yang normal dan berubah kepada pengkid.



#### **1.10.4 Dialog**

Dialog merupakan proses komunikasi yang berlangsung bagi tujuan mendapatkan lebih kefahaman tentang perkara yang diketengahkan oleh individu (Mezirow, 1996). Dialog juga mewujudkan proses dua hala bagi individu mendapatkan kepastian dan lebih yakin terhadap perspektif yang baru (Carter, 2002). Menurut Mezirow (2000), proses dialog tidak melibatkan aktiviti perdebatan antara dua pihak dan juga tiada unsur untuk menegakkan sesuatu perkara dan sebaliknya, tetapi proses dialog berlaku adalah bagi mendapatkan pandangan lain dan boleh mempertimbangkan pandangan tersebut dalam diri individu.

Dalam kajian ini, proses dialog merupakan proses yang membenarkan individu pengkid untuk berkomunikasi dengan individu lain bagi tujuan berkongsi perspektif yang dilalui oleh mereka. Responden akan berkomunikasi tentang pengalaman mereka dan perkembangan mereka sebagai pengkid.

#### **1.10.5 Pengkid**

Pengkid merupakan slanga yang digunakan oleh masyarakat dalam negara (Sufiyan, 2008). Pengkid adalah seorang wanita yang ingin menjadi seorang lelaki walaupun mereka sedar bahawa perkara tersebut bertentangan dengan fitrah dan juga hukum Islam. Menurut Adha (2008), pengkid ialah golongan wanita yang berpenampilan seperti lelaki dan bukan pada luaran sahaja, sifat dalamannya juga dipengaruhi ciri-ciri lelaki. Pengkid secara fizikalnya adalah seorang wanita tetapi

nalurinya adalah sebagai seorang lelaki dan mereka juga mempunyai perasaan cinta, sayang dan seksual terhadap wanita dan bukan terhadap golongan yang berlainan jantina (Shazwani, 2010). Ciri-ciri seorang pengkid sama seperti kebanyakan lelaki, berpakaian dan bergaya seperti lelaki, mempunyai gaya rambut dan susuk badan seperti lelaki, menjalinkan hubungan cinta dengan wanita, memakai bengkung, tertarik kepada wanita yang mempunyai rupa yang menarik, mempunyai kepercayaan diri yang tinggi kerana menganggap diri sebagai seorang lelaki yang mampu menjaga pasangannya (wanita) terutama sekali apabila pasangan diganggu pengkid yang lain atau lelaki lain (Osman, 2010). Jelas sekali, pengkid sangat bertentangan dengan fitrah seorang manusia dan ini menunjukkan individu menghadapi kecelaruan jantina (Mariam, 2017). Berdasarkan hadith, Rasulullah SAW berkata, baginda melaknat kaum lelaki yang menyerupai wanita dan kaum wanita yang menyerupai lelaki. Walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan menyatakan pengkid adalah haram, gejala pengkid ini masih lagi berleluasa (Adibah, 2017).

Dalam kajian ini, golongan pengkid adalah merujuk kepada responden utama yang terdiri daripada golongan wanita yang berumur dalam lingkungan awal 20-an sehingga akhir 30-an. Golongan ini terdiri dari kalangan yang bekerja juga berstatus sebagai pelajar sepenuh masa. Golongan ini juga memenuhi ciri-ciri sebagai pengkid seperti kelakuan, cara berpakaian dan yang paling utama adalah mempunyai pasangan kekasih wanita. Menurut Adibah (2017), salah satu daripada ciri-ciri seorang pengkid adalah individu mempunyai mempunyai naluri seksual terhadap pasangan wanita dan juga melakukan hubungan seks luar tabii dengan pasangannya.

### 1.10.6 Lesbian

Lesbian adalah salah satu budaya songsang yang semakin menular dalam kehidupan serba moden kini (Rohaiza, 2017). Lesbian merupakan hubungan sejenis yang terjalin antara individu wanita sesama wanita (Ahmad et al., 2015). Menurutnya lagi, masalah hubungan sejenis ini boleh berlaku pada pelbagai peringkat usia namun kajian mendapati hubungan sejenis ini banyak berlaku di peringkat awal remaja lagi. Ini disokong oleh John (2008) menyatakan bahawa, pada peringkat awal remaja individu sangat mudah dipengaruhi perkara yang negatif dan suka mencuba sesuatu yang baru. Tambahnya lagi, pada awal remaja, golongan ini kurang mendapat perhatian samada dari ibu bapa atau ahli keluarga yang lain. Ciri-ciri seorang lesbian sedikit berbeza dengan pengkid. Lesbian lebih kepada hubungan yang dijalankan dengan pasangan sejenis iaitu sesama wanita, tanpa dipengaruhi oleh perwatakan yang dibawa oleh pasangan. Lesbian secara fizikalnya adalah seorang wanita yang normal, cantik, feminin, lembut, dan berpakaian wanita (Tan, 2005). Dalam ajaran Islam, golongan lesbian juga adalah golongan yang dianggap gelap dan berdosa jika mengamalkannya kerana ianya bertentangan dengan fitrah seorang wanita yang Allah ciptakan pasangannya adalah seorang lelaki (Ahmad et al., 2015).

Dalam kajian ini, golongan lesbian adalah sama dengan golongan pengkid yang telah dijadikan sebagai responden utama. Ini kerana, mereka mempunyai ciri-ciri sebagai seorang lesbian kerana bernafsu dengan sesama wanita tetapi mereka berpenampilan sebagai lelaki dan tidak feminin jika dibandingkan dengan wanita normal yang lain. Tetapi pada hakikatnya golongan lesbian adalah dari golongan yang sama iaitu individu wanita.

### **1.10.7 Peristiwa Pencetus**

Menurut Fadiyah (2015) peristiwa pencetus merupakan suatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupan individu yang secara langsung mengubah kepercayaan individu terhadap suatu perkara samada kearah kebaikan mahupun keburukan. Peristiwa pencetus boleh terjadi akibat kesan daripada suatu peristiwa yang meninggalkan kesan yang mendalam terhadap individu atau, kejadian yang berulang kali berlaku dalam kehidupan individu dan meninggalkan kesan serta mampu membuatkan individu berubah laku, atau sesuatu perkembangan diri yang berlaku secara asli (Cranton, 2006). Mezirow (1991) menjelaskan, peristiwa pencetus adalah perkara yang dilalui oleh individu yang melalui proses transformasi perspektif dimana individu mula mempersoalkan kehidupan lama dan mula untuk mempelajari perkara yang baru dan ianya adalah perkara atau kepercayaan yang berbeza dengan yang lama.

Dalam kajian ini, peristiwa pencetus merupakan peristiwa yang penting dan dianggap sebagai titik-tolak oleh individu yang melaluinya sehinggakan individu membuat keputusan untuk terus berubah dan memulakan kehidupan yang baru. Pengkid yang pada awalnya hanyalah secara luaran sahaja namun apabila melalui peristiwa pencetus membuatkan mereka ingin terus hidup dengan identiti yang baru secara lebih terbuka.

### 1.10.8 Golongan Minoriti

Menurut Devine & Vasquez (1998) Major, Quinton, McCoy, & Schmader (2000), golongan minoriti adalah golongan yang seringkali dilihat sebagai objek atau golongan yang didiskriminasikan oleh masyarakat umum. Shelton (2003) pula berpendapat, golongan minoriti ini seringkali mendapat pandangan prejudis daripada golongan majoriti dan perkara ini menunjukkan perbezaan yang ketara antara dua golongan tersebut. Hampir kesemua negara mempunyai golongan minoriti samada dari segi kaum, agama, orang istimewa, golongan sosial dan lain-lain. Menurut Wilson (1985), layanan terhadap golongan minoriti mungkin berbeza mengikut pemerintahan negara masing-masing. Perkara ini disokong oleh (Hanif, 2001) menyatakan bahawa, minoriti adalah kelompok individu yang berbeza jika dibandingkan dengan kebanyakan penduduk di negara itu. Tambahnya lagi, perbezaan yang terdapat antara golongan tersebut adalah dari segi agama, kaum orang istimewa, mazhab dan lain-lain. Wilson (1985) juga menjelaskan dari sudut saintifik, minoriti adalah kumpulan yang mempunyai bilangan yang kecil jika dibandingkan dengan majoriti, kumpulan yang mempunyai bilangan yang besar.

Dalam kajian ini, golongan pengkid merupakan golongan minoriti yang terlibat dan tergolong dalam kumpulan kecil yang hidup dalam kelompok masyarakat utama. Golongan ini juga mewakili kebanyakan golongan yang tidak mendapat tumpuan serta tidak diberikan layanan yang samarata dan adil dalam kehidupan bermasyarakat. Golongan ini seringkali rasa dipinggirkan dan merasakan tekanan dalam kehidupan dan sentiasa berlumba agar mendapat layanan samarata dengan yang lain. Ini disokong oleh Taylor&Wilis (2000) tidak bersetuju jika golongan minoriti disabitkan dengan jumlah atau bilangan kelompok individu, beliau menyatakan bahawa golongan minoriti adalah kumpulan masyarakat yang mungkin besar bilangannya namun mereka tidak mempunyai kuasa atau lemah dan beliau mengambil golongan wanita sebagai contoh,

wanita mempunyai bilangan yang ramai tetapi oleh kerana wanita dipandang sebagai individu yang lemah maka mereka tergolong dalam golongan minoriti.

### **1.11 Kesimpulan**

Dalam bab satu ini mengupas segala isi penting mengenai pengenalan terhadap kajian transformasi pembelajaran yang dilakukan terhadap golongan pengkid. Pengenalan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, matlamat kajian, skop kajian, signifikansi kajian terhadap pembelajaran, golongan pengkid dan masyarakat, batasan kajian yang dihadapi pengkaji serta definisi-definisi operasi dan juga konseptual bagi tujuan untuk memberi dan menyumbang pandangan yang lebih ketara dalam memahami kajian ini

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdullah. (2003). *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Amri Zainal Abidin. (2010). *Rahsia Personaliti Unggul*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Md. Sham, Siti RugayahTibek dan Othman Talib (eds.) (2006). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM
- Aniza Demis “Sunday Interview: *Fatwa on Pengkid to Prevent Lesbianism*” *New Straits Times* November 23, 2008.
- Azalina Tatar, *et. al.*, (2012). *Kefahaman Wanita Islam Kelas Menengah di Lembah Klang Terhadap Islam Liberal*. Selangor: UniversitiKebangsaan Malaysia.
- Bailey, G. T. (2004). *The Impact of Trauma on the Psychosocial Development in Refugees According to Erikson’s Psychosocial Theory*. Unpublished *Ph.D Dissertation*. Walden University.
- Barnard, A.G. (2004). *Lesbians’ Experience of Depression: Linking Experience to Social Discourse*. *Ph.D Dissertation*. The University Of Arizona.
- Beach, B. J. (1980). *Lesbian and Non Lesbian Women: Profiles of Development and Self-Actualization*. *Ph.D Thesis*. University Of Iowa.
- Bellas, M. D. (2004). *How Transformational Learning Experience Develop Leadership Capacity*. *Master Thesis*. Royal Roads University.
- Bennet, M. (2012). *An Exploration of Transformational Learning in Adults As A Result OfAdventure Travel Experience*. *Ph.D Dissertation*. Pepperdine University.

- Bloomberg, L. D. (2008). *Completing Your Qualitative Dissertation a Roadmap from Beginning to End*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Boeije, H. R. (2002). *A Purposeful Approach to the Constant Comparative Method in the Analysis of Qualitative Interviews*. *Quality & Quantity*. Vol. 36, pp. 391– 409.
- Brendel, W. T (2009). *Exploring Meaning-Making Among The Terminally Ill Through The Lens of Transformative Learning Theory and The Medium of Personal Narratives*. Unpublished *Ph.D Dissertation*. Teachers College, Columbia University.
- Brookefield, S. D. (2009). Engaging Critical Reflections in Corporate America. Dalam Mezirow, J. dan Taylor, E.E (2009). *Transformative Learning in Practice: Insights from Community, Workplace and Higher Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Campbell, K. P. (2010). *Transformation Learning and Spirituality: A Heuristic Inquiry into the Experience of Spiritual Learning*. Unpublished *Ph.D Dissertation*. Capella University
- Christie, M., Carey, M., Robertson, A. & Grainger, P. (2015). Putting transformative learning theory into practice. *Australia Journal of Adult Learning Volume 55, Number 1*.
- Clark, M. C. & Wilson, A. L. (1991). Context and Rationality in Mezirow's Theory of Transformational Learning. *Adult Education Quarterly. Volume 41, Number 2, 75-91*.
- Cresswell, J. W. (2007). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Approaches (2<sup>nd</sup> edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Dayang Tiawa Awang Hamid dan Abdul Hafiz Omar. (2009). *Analisis Data Kualitatif*. Skudai: NasMAX.
- Donnelly, S. (2001). *Building a New Moral, Religious, or Spritual Identity: Perspective Transformation in Lesbian Women*. *Ph.D Dissertation*. Texas A&M University.



- Erikson, D. M. (2007). *A Development Re-Forming of the Phases of Meaning in Transformational Learning*. *Adult Education Quarterly*, Vol. 58 No. 1, 61-80. DOI:10.1177/0741713607305936.
- Erikson, E. H. (1950). *Childhood and Society*. New York: Norton.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity, Youth and Crisis*. New York: Norton.
- Erikson, E. H., dan Erikson, J. M. (1997). *The Life Cycle Completed*. New York: Norton.
- Erikson, E. H., Erikson, J. M. dan Kivnick, H. Q. (1986). *Vital Involvement in Old Age*. New York: Norton.
- Farahwahida Binti Mohd Yusof & Sharifah Munirah Binti Timmiati (2010). *Lelaki Lembut: Faktor Dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa IPTA*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Gates, Gary J., (2011). *How Many People Are Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender?. Ph.D Dissertation*. The Williams Institute
- Grow, G. O. (1991). Teaching Learners to be Self-Directed. Dalam Mohd Azhar Abd. Hamid. (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru*. Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Binti Ab. Rahman, Nor Akmar Binti Nordin, Ishak Bin Mad Shah, Hamdan Bin Abdul Kadir, Mohd. Koharuddin Bin Mohd. Balwi & Mohd. Nasir Bin Masroom (2010). *Sahsiah Pelajar Lelaki Lembut: Suatu Persepsi Masyarakat Kampus UTM*. Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Teknologi Malaysia
- Harris, C. K. (2002). *The Experience of Support for Transformative Learning*. Unpublished Ph.D Dissertation. Harvard University.

- Hopkins, N. & Hopkins, V. K. (2006). Minority group members' theories of intergroup contact: A case study of British Muslims' conceptualizations of 'Islamophobia' and social change. *British Journal of Social Psychology* (2006), 45, 245-264 DOI: 10.1348/014466605X48583.
- Hurlock, Elizabeth B. (2002). *Psikologi Perkembangan*. Jakarta: Erlangga.
- Husin Junoh. (2011). *Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jarvis, P. (2006). *Towards A Comprehensive Theory of Human Learning*. New York: Routledge.
- Jarvis, P. (2009). *The Routledge International Handbook of Lifelong Learning*. New York: Routledge.
- Kasl, E., dan Elias, D. (2000). Creating new habits of mind in small groups. Dalam Mezirow, J. and Associates (Eds.), *Learning as transformation: Critical perspectives on a theory in progress* (pp. 229-252). San Francisco: Jossey-Bass.
- Kegan, R. (2000). What form Transform A Constructive – developmental Perspective on Transformational Learning. Dalam Mezirow, J. & Associates (eds.). *Learning as Transformation: Critical Perspectives on a Theory in Progress*. (35–70). San Francisco: Jossey-Bass.
- Kennedy, J. G. (1994). The Individual's Transformational Learning Experience as a Cross-Cultural Sojourner: Descriptive Models. *Ph.D Dissertation*. The Fielding Institute.
- Kitchenham, A. (2008). The Evolution of John Mezirow's Transformative Learning Theory. *Journal of Transformative Education* 6: 104. DOI: 10.1177/1541344608322678.

- Kryss, (2011). *VIOLENCE: Through the Lens of Lesbians, Bisexual Women and Transgender People in Asia. Violence Against Lesbians, Bisexual Women and Transgender Persons In Malaysia.*
- Kvale, S., dan Brinkmann, S. (2008). *Interviews: Learning the Craft of Qualitative Research.* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Leenox, S. L. (2005). *Contemplating the Self: Integrative Approaches to Transformative Learning in Higher Education.* Unpublished *Ph.D Dissertation.* Fielding Graduate University.
- Merriam, S. B. dan Brockett, R. G. (1997). *The Profession and Practice of Adult Education: An Introduction.* San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam, S. B. (2001). „Andragogy and Self-Directed Learning: Pillars of Adult Learning Theory“ dalam *New Direction for Adult & Continuing Education.* Vol. 89, pp. 3-14.
- Merriam S. B, Caffarella, R. S. dan Baumgartner, L. M. (2007). *Learning in Adult hood.* San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam, S. B. dan Bierema, L. L. (2014). *Adult Learning: Linking Theory and Practice.* United States of America: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. (1975). *Education for Perspective Transformation: Women Reentry Program in Community Colleges.* Teachers Columbia University: New York.
- Mezirow, J. (1978). Perspective Transformation. *Adult Education.* Vol. 28 No. 2, pp. 100 – 110.
- Mezirow, J. (1991). *Transformative Learning of Adult Learning.* San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. (1994). Understanding Transformation Theory. *Adult Education Quarterly.* Vol. 44 No. 2, pp. 222–232.

- Mezirow, J. (1996). Contemporary Paradigm of Learning. *Adult Education Quaterly*. Vol. 46 No. 3, pp. 158 – 172.
- Mezirow, J. (1998). *Transformative Learning and Social Actions: A Response to Inglis*. *Adult Education Quaterly*. Vol. 49 No. 1, pp. 70 – 81.
- Mezirow, J. (2000). *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass
- Mezirow, J. (2003). Transformative Learning Theory. Dalam *Jack Mezirow, et. al.,(eds.) (2009). Transformative Learning in Practice: Insights from Community, Workplace and Higher Education*. New York: John Wiley & Son.
- Mezirow, J. (2006). On overview of transformative learning. Dalam Sutherland, P. dan Crowther , J. (Eds.), *Lifelong learning: Concepts and contexts (pp. 29-47)*. New York: Routledge.
- Mezirow, J. (2009). *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohamed, Y. (1995). Fitrah and Bearing on the Principal of Psychology. *American Journal of Islamic Social Sciences*. Vol. 12 No. 1, pp. 1-18.
- Mohd Azhar Abd. Hamid. (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru*. Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Fadiyah binti Ad Adnan. (2015). *Pengalaman Transformasi Perspektif Dalam Kalangan Individu Perempuan Awal Dewasa Terhadap Islam Sebagai Cara Hidup*. Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Shyuhadah. (2014). *Pengalaman Pelajar Daripada Ibu Bapa yang Bercerai dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Universiti Teknologi Malaysia*. Ijazah Sarjana Muda. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norizan binti Nasir, (2015). *Perubahan Pengalaman Transformasi Perspektif Dalam Kalangan Ibu Tunggal Terhadap Kehidupan Bekerjaya Di Johor Bahru*. Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods (3<sup>rd</sup> edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Ritchie, J. dan Lewis, J. (2003). *Qualitative Research Practice: A Guide for Social Science Students and researchers*. London: Sage Publications.
- Roberts, N. A. (2009). *The Role of Spirituality in Transformative Learning*. Unpublished Ph.D Dissertation. Florida International University.
- Taylor, E. W. (2008). Transformative Learning Theory. Dalam Merriam, S. B. (ed.). *An Update of Adult Learning. New Directions for Adult and Continuing Education*. No. 119. San Francisco: Jossey-Bass.
- Taylor, E. W. (2009). *Fostering Transformative Learning*. Dalam Mezirow, J. dan Taylor, E. W. (2009). *Transformative Learning in Practice: Insights From Community, Workplace and Higher Education*. New York: Jossey-Bass.
- Taylor, E. W. & Cranton, P. (2012). *The Handbook of Transformative Learning: Theory, Research, and Practice*. San Fransisco: Jossey-Bass.
- Taylor, S. J dan Bogdan, R. (1998). *Introduction to Qualitative Research Method: A Guidebook and Resource*. New York: Wiley.
- Walter, L. Williams. (2009). Strategies for Challenging Homophobia in Islamic Malaysia and Secular China. *Homophobia in Islamic Malaysia and Secular China*.
- Wasserman, I. C dan Gallegos, P. (2009). *Engaging Diversity: disorienting Dilemmas That Transform Relationships*. Dalam Fisher-Yoshida, B, Geller, K.D dan Schapiro, S. A. (2009). *Innovations in Transformative Learning: Space, Culture & the Arts*. New York: Peter Lang.
- Weinski, M. C. (2006). *An Inquiry Into Transformative Learning of Evangelical Theological Students in Germany*. Unpublished Ph.D Dissertation. Trinity International University.

- Whitley, B. M. (2009). *Applying a Comprehensive-Internal Model for the Evaluation of Social-Scientific Research to the Identity Crisis Stage of Erik Erikson's Developmental Theory*. Unpublished *Ph.D Dissertation*. The Southern Baptist Theological Seminary.
- Wolcott, H. F. (2002). On Seeking and Rejecting: Validating in Qualitative Research. Dalam Eisner, E.W dan Peshkin, A (eds.). *Qualitative Inquiry in Education: The Continuing Debate (67)*. New York: Teachers Collage.
- Wollert, M. H. (2003). *Transformative Learning and Faith Development in Graduate Seminary Students*. Unpublished *Ph.D Dissertation*. The University of Tennessee.
- Wong, Yuenmei. (2012). Islam, Sexuality, and the Marginal Positioning of Pengkids and Their Girlfriends in Malaysia. *Journal of Lesbian studies, 16(4): 435-48* DOI: 10.1080/10894160.2012.681267.